

## PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN**

**SOALAN : NO. 178**

**YB Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada pihak Kementerian telah melakukan siasatan terhadap masalah mahasiswa berlapar yang dibangkitkan oleh pihak akhbar dan adakah masalah ini berlaku di seluruh Malaysia atau hanya tertumpu di universiti sekitar Lembah Klang sahaja.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi telah mengadakan siasatan berhubung isu ini sebagaimana yang telah dilaporkan oleh akhbar **Harian Metro** dan **The Malay Mail** bertarikh **8 Januari 2016**. Siasatan mendapati laporan oleh akhbar tersebut berkaitan 2 orang pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang mengalami '*kelaparan sehingga usus terkoyak*' adalah tidak tepat dan pelajar terbabit telah menyuarakan rasa malu dan tidak selesa berkaitan laporan itu kepada pihak UKM. Pelajar terbabit mengadu bahawa isi laporan oleh akhbar berkenaan tidak sama dengan apa yang telah di maklumkan semasa temuramah dengan wartawan.

Menyentuh isu kebuluran yang telah dilaporkan oleh media, dijelaskan di sini bahawa kajian infografik berkaitan isu tersebut telah dijalankan oleh **Muslim Volunteer Malaysia (MVM)**. Melalui laman rasmi

*facebook*, MVM telah menegaskan bahawa tiada satu infografik yg menyatakan secara jelas berkaitan isu "MAHASAWA KEBULURAN" seperti yg telah dihebahkan di laman sosial. MVM juga telah menegaskan bahawa isu ini telah diputar belit dan disalahgunakan oleh sesetengah pihak untuk menyalahkan pihak-pihak tertentu dan tindakan ini amatlah tidak wajar. Hasil kaji selidik MVM itu telah disebarikan oleh pihak tidak bertanggungjawab tanpa kebenaran dan keizinan dari MVM. MVM juga telah menegaskan bahawa mereka tiada sebarang penglibatan secara langsung mahupun tidak langsung terhadap isu kebuluran yang telah dilaporkan secara tidak tepat oleh beberapa media massa.